

# Islam dan Umat Islam

## Umat Yang Pilihan

Oleh: Ustaz Muhammad Ali al-Hamidiy

Dalam zaman Nabi Muhammad *ṣalla Allāhu ‘alayhi wa sallam* kaum Muslimin bersatu dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya, sehingga mereka menjadi umat yang adil, umat yang pilihan, sebagaimana yang disifatkan oleh Allah Ta’āla dalam firman-Nya:

*Wa ka dhālika ja ‘alnākum ummatan waṣatan li takūnū shuhadā’*  
*‘alā al-nās wa yakūna al-rasūlu ‘alaykum shahīda* (al-Baqarah, 143)

Ertinya: “Dan begitulah kami jadikan kamu satu umat yang pilihan supaya kamu menjadi orang-orang yang membawa keterangan kepada manusia, sedang Rasulullah itu menjadi pembawa keterangan kepada kamu.”

Persatuan umat dan ketaatannya itu dijaga dengan baik oleh al-khulafā’ al-rāshidīn (khalifah-khalifah yang empat) sepeninggalan Nabi *ṣalla Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Pada zaman itulah nampak kebesaran Islam dan kaum Muslimin. Kemudian datanglah zaman sesudah mereka, persatuan kaum Muslimin mulai longgar, dan ketaatan mereka mulai berkurang, walau pun dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kenegaraan agak maju. Sifat-sifat adil dan *wuṣṭā* sudah berubah, adat jahiliah hidup kembali. Bermegah dengan kebesaran bukan kebenaran. Merasa mulia dengan keturunan bukan kebaktian. Maka terjadilah perpecahan

sesama sendiri, sehingga menjadi lemah dan rendah. Pendeknya setelah mereka melepaskan sifat adil dan pilihan, jatuhlah mereka dan tidak mendapat penghargaan dalam lapangan kenegaraan dan keagamaan.

Perkataan “*wuṣṭā*” ertinya: Adil, pertengahan atau pilihan. Gelaran bagi kaum Muslimin yang betul menjalankan tuntutan agama. Keluar dari sifat “*wuṣṭā*” berarti telah berada dalam dua jurang yang berbahaya.

Apa dia dua jurang yang berbahaya itu? Iaitu ((*guluww*)) (melampau batas) dan (*tafrīt*) menyia-nyiakan agama. Sebagaimana kaum Nasrani berlaku ((*guluww*)) terhadap Nabi Isa yang disifatkan sebagai tuhan, dan kaum Yahudi berlaku (*tafrīt*) terhadap Nabi-nabi mereka, hingga ada yang telah dibunuh oleh mereka. Penyakit *guluww* dan *tafrīt* telah berjangkit pula kepada kaum Muslimin, dan inilah yang dikhuatirkan oleh Nabi *ṣalla Allāhu ‘alayhi wa sallam*, sabdanya:

*latattabi ‘unna sanana al-ladhīna min qablikum shibran bi shibrin wa dhirā ‘ān bidhirā ‘in hatta law dakhahuw fi juhri ḍabban la attabi ‘umū hum qulnā: ya Rasulu Allāh āl-yahūdu wa an naṣārā? Qāla: fa man* (al-Buḥārī wa Muslīm)

Ertinya: “Sesungguhnya kamu akan menuruti jejak langkah orang-orang dahulu kala sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta, sehingga jika

mereka masuk ke dalam lubang biawak pasir, tentu

kamu turut juga masuk ke dalamnya.” Kami

(sahabat-sahabat) bertanya: “Adakah Yahudi dan Nasara

yang tuan tujukan itu?” Jawab Nabi: “Siapa lagu

kalau bukan mereka.”

((*Guluww*)) itu disebabkan kerana berlebih-lebihan

mengutamakan harta kebendaan dan jasmani. Batas-batas agama dilanggarnya, dan harta yang didapatinya tidak membawa berkat,

kerana mereka dihinggapi lagi dua penyakit: boros

dalam maksiat dan kilir terhadap kebajikan.

Ada pun ((*tafrīt*)) itu disebabkan terlampau

mengutamakan keperluan jiwa dan batin, dan menyia-nyiakan

nikmat Tuhan yang disediakan untuk jasmaninya. Mereka

menyeksa badan mereka untuk mendapat gelaran ((*zuhud*

dan benci dunia)) sehingga badan mereka kurus



**Murid-murid Madrasah Waṭāniah, Machang Kelantan.**

**Duduk dari kiri: Yusuf Haji Said,**

**al-Isri dan Mustafa Ahmad. Berdiri dari**

**kiri: Yaacob Ahmad, Abdul Wahab Abdul Rahman dan**

**Ramli Haji Ahmad.**



**Guru-guru Madrasah al-Māidah al-Madiniyyah Padang**

**Tengku, Kuala Lipis, bergambar untuk kenangan. Dari**

**kiri Ustaz Hussein Salleh, Ustaz Hussein**

**Ibrahim (Guru Besar), Ustaz Mahmud Yunus Ahmad,**

**dan Ustazah Zainah Haji Abdul Rahman.**

kering dan tidak berpakaian kalau tidak ditolong orang.

Sifat ((*guluww*)) itu kalau sudah berjangkit pada satu umat, maka mereka akan melampaui batas-batas agama, bersifat rakus, kejam dan hilang kemanusiaannya, kerana rohaninya rosak. Dan sifat ((*tafrīt*)) pula mengajar orang menjadi lemah dan tidak berdaya, kerana jasmaninya rosak. Kedua-dua sifat itu berbahaya bagi keselamatan manusia: Rohaninya dan jasmaninya.

Hendaklah kita berhati-hati dalam segala perkara untuk menjaga keselamatan rohani dan jasmani kita, iaitu berlaku adil di antara keduanya, supaya kita selamat dari penyakit ((*guluww*)) dan ((*tafrīt*)) itu.

Mudah-mudahan dengan jalan itu Allah jadikan kita umat yang pilihan, umat *wuṣṭā*, pembawa keterangan dan contoh kebenaran kepada manusia.